

Pastikan jabatan kerajaan bersedia – PM

UM- 2/6/2007

KUALA LUMPUR 1 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Menteri Besar dan Ketua Menteri serta menteri memastikan semua agensi dan jabatan kerajaan bersiap sedia melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan baru dalam tempoh 13 hari lagi.

Perdana Menteri berkata, itu adalah arahan terbaru yang dikeluarkan semasa beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara di Putrajaya, semalam.

Kata beliau, sepatutnya pemimpin terabit terutama Menteri Besar, Ketua Menteri dan menteri Kabinet telah membuat susulan mengenai sistem tersebut.

“Saya hendak pelaksanaannya mengikut jadual iaitu dua bulan selepas pengumannya pada 13 April, tempohnya tinggal

13 hari lagi.

“Saya tidak mahu ada antara pegawai PBT yang tidak tahu atau tidak faham dengan sistem baru itu. Oleh itu, mereka perlu tinjau tahap kefahaman kakitangan masing-masing.

“Kita hendak mereka panggil ketua jabatan, semak semua dan pastikan semuanya disusun rapi untuk pelaksanaan itu. Borang mesti ada, jangan baru nak cetak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena lawatan kerja sehari ke Wilayah Persekutuan hari ini.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri melawat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri, Kepong, bersembahyang Jumaat di Masjid Al Imam Al-Ghazali di

Bandar Manjalara, Kepong dan mengakhiri lawatannya di tapak projek persimpangan bertingkat Taman Segar/Taman Len Seng.

Menurut Abdullah, melaksanakan sistem baru itu bukan satu perkara yang sukar malah kerajaan telah bersungguh-sungguh untuk menjayakannya iaitu dengan meminda hampir enam akta supaya sistem penyampaian itu dapat memberi harapan baru kepada rakyat.

“Saya tidak mahu timbul sebarang kesulitan sehingga mengecewakan rakyat,” katanya.

Beliau juga mahu kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadikan Kuala Lumpur sebagai zon yang selamat dan selesa bukan sahaja untuk masyarakat tempatan tetapi juga orang luar.

“Untuk menjadikan ia sebagai realiti,

pentadbiran mesti berada dalam keadaan baik, sistem penyampaian cekap, mesra pelanggan dan tidak ada kompromi terhadap keputusan sambil lewa atau kurang pemantauan,” katanya.

Abdullah turut mengingatkan pegawai penguat kuasa supaya tidak melakukan kekerasan dalam tindakan ke atas perkara yang menyalahi undang-undang sebaliknya menanganinya secara tegas.

Beliau juga mahu setiap program dan projek yang telah mempunyai peruntukan dilaksanakan segera selain dipantau dengan ketat untuk mengelakkan terbengkalai.

Bayaran juga, kata Perdana Menteri, perlu dipercepatkan.

“Kenapa tunggu, duit itu bukan duit kita, duit kerajaan, tandatangan cek sahaja,” katanya.